

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Serdang

Ringkas dan tangkas di atas pentas

Serdang: Penari perlu mahir membuat apung supaya gerakan nampak bersahaja, ringkas dan tangkas di atas pentas sambil mampu mengimbangi postur dengan baik, demikian tip diberi ahli Kelab Seni Tari Adimastuli, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dhiya Shamim Samsudin.

Pelajar program Bachelor Komunikasi (Penyiaran) itu menyertai kelab berkenaan sejak tiga tahun lalu bagi meneruskan kesinambungan minatnya dalam bidang tarian selepas 'tergendala' beberapa tahun akhir aktif bersukan.

Di bawah pimpinan jurulatih kelab itu, Khairul Anhar Othman, beliau

banyak mempelajari teknik betul merangkumi gerakan asas, dalam mempersempitkan tarian tradisional seperti joget, inang dan zapin.

Juara Festival Zapin

"Setiap penari menjalani latihan intensif apung yang menjadi asas ketika baru menyertai kelab ini.

"Zapin merupakan kekuatan kelab ini kerana jurulatih dan kami banyak meraih kemenangan dalam festival seni tari menerusi tarian itu.

"Kejayaan menjadi juara tiga kali berturut-turut pada Festival Zapin sejak 2007 merupakan sejarah buat kelab ini yang amat dibanggakan dan kami akan

berusaha untuk meneruskan pencapaian itu," katanya ketika ditemui di Astaka Seni UPM di sini, baru-baru ini.

Lebih membanggakan, Kelab Seni Tari Adimastuli banyak meraih kemenangan pada peringkat kebangsaan dan namanya sering menjadi sebutan, terutama dalam Festival Tari Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM).

Kerja keras

Dhiya Shamim berkata, semua kejayaan itu mampu diraih kerana ahli kelab berkenaan mempunyai semangat berpasukan dan persefahaman yang diterbitkan dalam persembahan mereka.

"Bukan mudah untuk bergelar juara kerana memer-



Persembahan menarik Kelab Seni Tari Adimastuli UPM.

lukan kerja keras, persefahaman serta latihan yang konsisten.

"Kami berlatih pada setiap Selasa dari jam 8.30 hingga 11 malam di sini (Astaka Seni) tetapi selalunya berlarutan hingga tengah malam, malah

apabila suatu pertandingan semakin hampir, ada kala latihan terpaksa dilanjutkan hingga jam 4 pagi.

"Selain menyertai pertandingan, kami juga menerima banyak jemputan membuat persembahan di kenduri

kahwin dan majlis rasmi, termasuk ketika sambutan Hari Pekerja Kebangsaan 2012 dengan menjadi penari latar untuk penyanyi Faizal Tahir yang turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak," katanya.

